



## "MENJAUHI FITNAH MEDIA SOSIAL".1

|  |    |   |
|--|----|---|
| <p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَأَعْلَمُوا أَنَّ<br/>الله شدید العقاب</p>  | 1  | 2 |
| <p>أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَهُدُو لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>  | 3  |   |
| <p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>   | 4  |   |
| <p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! إِتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>   | 5  |   |
| <p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ</p>  | 6  |   |
| <p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Marilah kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam golongan hamba-hamba-Nya yang mendapat rahmat dan kasih sayang serta perlindungan Allah SWT.</p>  | 7  |   |
| <p>Pada kesempatan Jumaat sayyidul ayyam ini marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk "<b>MENJAUHI FITNAH MEDIA SOSIAL</b>".</p>  | 8  |   |
| <p><b>Hadirin Jumaat sekalian,</b></p> <p>Dunia hari ini menyaksikan perkembangan media sosial baru yang sangat pesat membangun. Agama Islam sama sekali tidak menghalang kemajuan atau pemodenan, namun tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kemudahan media sosial hari ini telah bertukar wajah membentuk satu gejala yang sangat membimbangkan. Disamping perkara-perkara positif, terdapat juga unsur-unsur kemungkar yang telah timbul, membesar, membiak dan mewabak dalam masyarakat kita melalui media sosial ini. Bukan sahaja melibatkan pendedahan aurat di sana sini, membuka keaiban orang lain juga sudah tidak menjadi asing lagi. Melemparkan tuduhan, fitnah, saling salah menyalah antara satu sama lain, menyebarkan cerita dan berita tidak pasti, menjadi punca pergaduhan dan perceraian suami isteri.</p> | 9  |   |
| <p>Sebahagian umat Islam hari ini menghabiskan masa yang sangat banyak melayari media sosial jika dibandingkan dengan membaca ayat-ayat suci al-Quran, atau membaca bahan-bahan berunsurkan kerohanian, keagamaan dan yang dapat membentuk akhlak yang baik.</p>   | 10 |   |
| <p>Sungguhpun Allah telah memuliakan kita dengan akal fikiran, mengurniakan kita nikmat yang tidak terhitung, namun dunia maya dan internet ini kadang-kadang berjaya menjadikan kita seorang makhluk yang kotor lidahnya dan buruk penanya, insan yang dusta dan fasiq, insan yang terburu-buru, jiwa yang gopoh, tergesa-gesa dan lemah serta</p>  | 11 |   |

|   |    |
|---|----|
| <p>وَالْعِيَادُ بِاللَّهِ مِنْ ذَلِكَ pemikiran yang celaru.</p>  |    |
| <p>Dengan sebab nikmat akal kita inilah manusia berjaya mencipta berbagai ciptaan samada untuk kegunaan di darat, udara dan lautan. Lihat sahaja kemampuan akal manusia yang mampu menjadikan dunia hari ini sebagai sebuah kampung yang kecil tanpa jarak dan sempadan. Dengan penggunaan nikmat akal yang sebaiknya dan berpaksikan panduan agama, penggunaan teknologi moden ciptaan manusia ini akan terpandu menuju kebaikan dan kesejahteraan kehidupan manusia.</p>        | 12 |
| <p>Al-Imam al-Ghazali Rahimahullah menyatakan:</p> <p style="text-align: center;"><b>الْعَمَلُ حَيْرٌ إِذَا وَافَقَ الْعَقْلَ وَالدِّينَ ، وَشَرٌّ إِذَا خَالَفَ الْعَقْلَ وَالدِّينَ</b></p>   | 13 |
| <p>"Sesuatu pekerjaan itu adalah kebaikan jika memenuhi tuntutan aqal dan agama, dan sesuatu perkara itu dikira keburukan jika menyalahi tuntutan aqal dan agama" ..</p>  | 14 |
| <p>Semua ini membuktikan bahawa dalam menangani fenomena media sosial ini, agama dan aqal perlu berjalan seiring. Apa sahaja berita, cerita yang muncul di media sosial akan jadi harmoni jika dicerna oleh aqal yang berlandaskan agama. Kebijaksanaan mengolah berita dan cerita ini juga sangat memerlukan sifat malu dan taqwa.</p>   | 15 |
| <p>Tidak takutkah kita amalan kebaikan kita hilang begitu sahaja akibat tersalah "share" atau berkongsi perkara tidak baik dan tidak tepat sehingga menimbulkan kekeliruan dan kegelisahan dikalangan umat Islam seperti menyebarkan sesuatu hukum yang disebut oleh para ulama sedangkan hakikatnya tidak benar. Atau menyebarkan sesuatu fatwa sedangkan ianya tidak pernah difatwakan. Tidak takutkah kita dengan amaran Allah SWT</p>   | 16 |
| <p>seperti firman Allah dalam surah Al-Anfaal ayat 22:</p> <p style="text-align: center;"><b>إِنَّ شَرَّ الدَّوَابِ عِنْدَ اللَّهِ الْأَصْمُ الْبُكُمُ الَّذِينَ لَا يَعْقِلُونَ</b></p>  | 17 |
| <p>"Sesungguhnya sejahat-jahat makhluk yang melata, pada sisi (hukum dan ketetapan) Allah, ialah orang-orang yang pekak lagi bisu, yang tidak mahu memahami sesuatupun (dengan akal fikirannya)".</p>   | 18 |
| <p><b>Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,</b></p> <p>Saban hari gejala ini semakin merisaukan apabila semakin ramai yang ketagih melayari media sosial tidak kira masa dan tempat termasuk di dalam masjid dan ketika khatib berkhutbah Jumaat. Melayari media sosial sehingga tidak menumpukan perhatian kepada khutbah yang sedang disampaikan akan menyebabkan lagah ataupun sia-sia dan merosakkan pahala mendengar khutbah serta mengurangkan pahala solat Jumaatnya.</p> | 19 |
| <p>Ini boleh difahami daripada maksud sebuah hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim bahawa baginda SAW menyatakan bahawa sesiapa yang bermain anak batu, maka adalah sia-sia Jumaatnya.</p>  | 20 |
| <p>Mafhum daripada maksud hadis ini menunjukkan bahawa kalaulah bermain batu pun dianggap lagah inikan pula melayari media sosial yang menghilangkan tumpuan kepada mendengar dan memahami kandungan khutbah yang sedang disampaikan oleh khatib.</p>   | 21 |

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Inilah realiti yang perlu diubah dan diperbaiki supaya iman yang dibina bertahun-tahun lamanya tidak mudah robek hanya dengan fitnah media sosial. Ketika berhadapan dengan lambakan berita dan cerita yang tumbuh melata dimedia-media sosial dan seumpamanya, mari kita awasi dan ingatkan diri kita dan anak-anak kita serta rakan sekeliling kita

dengan pesanan Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 36:

**وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ الْسَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادُ**

22

**كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْؤُلًا**

23

*"Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya".*

24

Dalam hadis yang lain, daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

**إِنَّ الْعَبْدَ يَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ مَا يَتَبَيَّنُ فِيهَا يَزْلُّ إِلَيْهَا إِلَى النَّارِ أَبْعَدِ مِمَّا بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ**

25

*"Sesungguhnya seorang hamba apabila menuturkan satu perkataan yang tidak dipastikan kebenarannya terlebih dahulu, akan membawanya ke neraka yang jaraknya lebih jauh dari jarak antara timur dan barat".*

26

*(Muttafaqun Alaih)*

Kedua-dua panduan ini menyeru kita agar menggunakan media sosial dengan sebaik-baiknya menurut ketetapan syarak dan sentiasa mempunyai ilmu dalam sesuatu perkara dan berhati-hati dalam berkata-kata termasuk ketika menggunakan media sosial. Jadikanlah media sosial sebagai jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah, memperkuatkan persaudaraan, menyuburkan perpaduan, menyebarkan ilmu pengetahuan, yang seterusnya akan menambahkan kebaikan dan memperoleh rahmat Allah SWT.

27

**Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,**

Mengakhiri khutbah pada hari yang berbahagia ini, marilah kita sama-sama memberi perhatian dan mengambil ingatan kepada pesanan berikut:

28

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa setiap perkataannya dan perbuatannya akan dihisab di hadapan Allah SWT di akhirat nanti.

2. Umat Islam hendaklah menjadikan setiap detik masa yang diluangkan sebagai jambatan kebaikan dan saham menuju ke alam akhirat.

3. Umat Islam hendaklah memanfaatkan media sosial untuk menguasai kepentingan pembangunan agama Islam dan tidak sama sekali menyalahgunakannya pada perkara-perkara yang menambah dosa.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
 يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ النَّاسُ أَشْتَأْنًا لَّيْرَوْا أَعْمَلَهُمْ ۝ فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ۝

29

"Pada hari itu manusia akan keluar berselerak (dari kubur masing-masing) untuk diperlihatkan kepada mereka (balasan) amal-amal mereka. Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)! Dan sesiapa berbuat kejahatan walau seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!".

30

(al-Zalzalah : 6-8).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُو، إِنَّهُو هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

31

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُو هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

32

## KHUTBAH KEDUA .33

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ وَلَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

34

|  |    |
|--|----|
| <p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِهٖ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>  | 35 |
| <p><b>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</b></p> <p>Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa...</p>  | 36 |
| <p>...Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dan Istiqamah dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkkan kemuliaan akhlak, sikap dan...</p>  | 37 |
| <p>...keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.</p>   | 38 |
| <p>Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:</p>  | 39 |
| <p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَلَّمُ إِلَيْهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا.<br/>     اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ<br/>     وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p> | 40 |
| <p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ<br/>     مُجِيبُ الدُّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.</p>   | 41 |
| <p>اللَّهُمَّ أَعِزَّ إِلَاسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّرَةِ وَالْمُبْتَدِعَةِ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ<br/>     الدِّينِ. وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>  | 42 |
| <p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنِبِيلَكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَ آنَّ<br/>     تَحْفَظَ بِعِينِ عِنَائِكَ الرَّبِّيَّةِ وَبِحِفْظِ وِقَائِتِكَ الصَّمَدِيَّةِ، جَلَّ لَهُ مَلِكُنَا الْمُعَظَّمُ سُلْطَانُ سَلَاغُورِ.</p>  | 43 |
| <p>سُلْطَانُ شَرْفُ الدِّينِ ادْرِيسُ شَاهُ الْحَاجُ ابْنُ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.</p>   | 44 |
| <p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَى وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَعْكُو أَمِيرَ شَاهِ<br/>     إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>   |    |

|  |    |
|--|----|
| <p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。أَللَّهُمَّ أَطْلُنْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ<br/>وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ。</p> | 45 |
| <p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat,...</p>   | 46 |
| <p>...sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negeri umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan...</p>  | 47 |
| <p>...dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.</p>  | 48 |
| <p>Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan...</p>  |    |
| <p>...pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia,...</p>   | 49 |
| <p>...satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana...</p>   | 50 |
| <p>...dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan...</p>                        | 51 |
| <p>...pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu setiap hari, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, ...</p>  | 52 |
| <p>... mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>  | 53 |
| <p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا فُرَةً أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً。رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي<br/>الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ عِبَادَ اللَّهِ</p>                       | 54 |
| <p>إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ</p>  | 55 |
| <p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاשْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ<br/>وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>   | 56 |